


FEBRUARI 1 -15, 2021

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Empangan Mengkuang tunggu pelaksanaan Fasa 2B dan 2C



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan PBAPP merakam gambar kenangan berlatarbelakangkan Empangan Mengkuang sejurus merasmikan pembukaan semula empangan berkaitan dan penyerahannya kepada operator bertanggungjawab di sini baru-baru ini.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PENANTI** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow hadir merasmikan pembukaan semula Empangan Mengkuang yang ditutup bagi projek pembesaran dan penyenggaraan sejak tahun 2011.

Serentak itu, beliau mewakili Kerajaan Negeri turut menyerahkan Empangan Mengkuang kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) yang merupakan operator bertanggungjawab untuk mengawal operasi dan pengurusan empangan berkaitan.

Dalam ucapan beliau sebelum itu, Kon Yeow menyifatkan pembukaan semula Empangan Mengkuang yang diperbesarkan sebagai sejarah penting bagi pembekalan air di negeri ini.

Menurutnya, empangan tersebut yang kini berkeluasan 3.4 kilometer (km) persegi mampu menampung kapasiti efektif air sebanyak 86.4 bilion liter berbanding hanya 22 bilion liter sebelum ini.

"Projek Pembesaran Empangan Mengkuang bermula lebih sembilan tahun lalu ketika Pulau Pinang bersetuju untuk berhijrah kepada Inisiatif Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air Nasional oleh Kerajaan Persekutuan atau NWSIRI.

"Malah pada 26 Oktober 2020, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah menyerahkan Empangan Mengkuang secara rasmi kepada Kerajaan Negeri sebaik sahaja selesai kerja-kerja pembesaran bagi Fasa 1 dan Fasa 2A.

"Kita mengambil alih empangan ini kerana kita memerlukannya untuk mengurangkan risiko kekurangan air pada musim kemarau yang berpanjangan," kata beliau pada majlis tersebut di sini 9 Januari lalu.

Hadir sama, barisan Exco Kerajaan Negeri; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar; Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa serta Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Menurut Kon Yeow, dengan pembukaan semula Empangan Mengkuang, Pulau Pinang mempunyai empangan simpanan strategik kemarau yang lebih besar bagi menangani keperluan bekalan air yang semakin meningkat dalam abad ke-21.

"Empangan ini diperbesarkan tanpa kos langsung kepada rakyat dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana ia dibiayai oleh geran Kerajaan Persekutuan bernilai RM1.2 bilion merangkumi empat fasa," ulasnya.

Walau bagaimanapun Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri masih menunggu pelaksanaan Fasa 2B dan Fasa 2C yang amat penting untuk memastikan projek simpanan strategik kemarau dapat berfungsi secara maksimum.

"Fasa 2B adalah melibatkan pemasangan saluran paip air mentah sepanjang 7km dari Rumah Pam Mak Sulong ke Terusan Sungai Dua yang kini masih di peringkat pengambilan tanah.

"Fasa terakhir adalah 2C yang melibatkan pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi yang kini dalam proses kajian kebolehlaksanaan untuk membina baraj baharu di Rantau Panjang dan kajian ini tertakluk kepada pertimbangan Kerajaan Persekutuan," ujarnya.

Dalam pada itu, Jaseni menyatakan bahawa Empangan Mengkuang yang diperbesarkan adalah komponen teras Skim Simpanan Air Pam Mengkuang yang berfungsi sebagai simpanan strategik kemarau Pulau Pinang pada musim kering.

"Tidak seperti Empangan Air Itam dan Teluk Bahang yang menyimpan air dari kawasan tadahan berdekatan, Empangan Mengkuang menyimpan air mentah yang dipam dari sungai pada musim hujan.

"Air mentah ini kemudian dapat dilepaskan dari empangan untuk digunakan di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua pada musim kemarau," jelasnya.

Tambah beliau, LRA Sungai Dua merupakan loji rawatan air terpenting di negeri ini kerana menghasilkan lebih 80 peratus air terawat setiap hari.

"Dalam keadaan normal, PBAPP mengabstrak air mentah dari Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang Pulau Pinang untuk rawatan di LRA Sungai Dua.

"Namun, pada musim kemarau ketika paras air Sungai Muda adalah rendah maka simpanan air mentah Empangan Mengkuang akan berfungsi," katanya lanjut.

Sebagai rekod, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil alih semula pengendalian operasi dan penyelenggaraan Empangan Mengkuang yang diperbesarkan daripada Kerajaan Persekutuan pada 26 Oktober 2020. Penyerahan adalah melibatkan Fasa 1 dan Fasa 2A membabitkan pembinaan empangan dan penaiktarafan Rumah Pam Mak Sulong.

Majlis penyerahan berkaitan disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Air dan Pembetungan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Azizah Ariffin yang mewakili Menterinya, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man kepada Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari.

# Perkasa agenda komuniti negeri

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD DAUD**

**PINANG TUNGGAL –** Mahasiswa negeri ini diseru untuk melibatkan diri dalam program memperkasa komuniti lokal, sungguhpun dihambat dengan tanggungjawab belajar di universiti.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata demikian semasa menyempurnakan acara perasmian 'Hero Komuniti Perdana: UniSZA Cakna' di sini 8 Januari 2021.

Bagi beliau, program operasi khidmat masyarakat yang dianjurkan secara bersama oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) akan memberi peluang kepada mahasiswa kelahiran negeri ini untuk menimba ilmu serta pengalaman 'di luar bilik kuliah'.

"Program sebegini akan melatih para peserta serta pemimpin mahasiswa untuk saling berinteraksi secara langsung dengan komuniti setempat, seterusnya turut menyumbang kepada agenda memperkasakan lagi komuniti setempat di negeri ini," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti.

Ahmad Zakiyuddin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal memberitahu bahawa acara berkaitan juga dapat mengasah bakat kepimpinan dalam kalangan pemimpin mahasiswa dan muda-mudi untuk memimpin komuniti lokal pada masa hadapan.

Justeru, beliau mewakili Kerajaan Negeri mengalu-alukan lebih banyak organisasi berkaitan mahasiswa untuk tampil serta turut membantu Kerajaan Negeri merealisasikan agenda memperkasa komuniti.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, pengarah program tersebut, Nurul Izzah Marzuki merakamkan penghargaan kepada Pejabat Timbalan Ketua Menteri I serta pentadbir Masjid Abdullah Fahim atas kerjasama dalam menjayakan operasi khidmat masyarakat anjuran pertubuhan mahasiswa universiti awam tersebut.




**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (duduk, tiga dari kanan) bersama-sama barisan wakil terlibat dan para peserta merakam gambar kenangan sejurus menyempurnakan acara perasmian 'Hero Komuniti Perdana: UniSZA Cakna' di sini baru-baru ini.**

# Inisiatif bangun persekitaran pendidikan kondusif disokong

**GEORGE TOWN –** Sejajar dengan perkembangan teknologi semasa, penggunaan peralatan berteknologi moden dalam dunia pendidikan dilihat dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik serta berkesan.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa pendidikan berkualiti dan cemerlang merupakan satu usaha membangunkan generasi alaf baru seiring dengan pembangunan yang kian pesat kini.

"Misalnya, pelaksanaan Kaedah Pendidikan Abad Ke-21 (PAK-21) dapat dicapai dengan menyediakan kemudahan dan keupayaan capaian internet berkelajuan tinggi.

"(Hal ini dikatakan demikian kerana) ia dapat menyokong inspirasi negara untuk melahirkan generasi yang menguasai bidang ilmu sejajar kemajuan teknologi semasa.

"(Dan, dalam hal ini) Kerajaan Negeri akan sentiasa menyokong mana-mana pihak yang tampil membantu membangunkan sistem serta persekitaran pendidikan yang kondusif terutama pada peringkat prasekolah.

"Walaupun kini banyak aktiviti pendidikan terpaksa dihentikan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun dengan kemajuan teknologi ia dapat direalisasikan dalam bentuk baharu," jelasnya.

Ahmad Zakiyuddin berkata demikian pada Majlis Penyampaian Televisyen Android Kepada Tadika Islam (TADIS) Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 di sini 23 Disember 2020.

Turut berucap, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Mohd. Zakuan Zakaria dan Ahli Pemegang Amanah Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan, Zahar Zainul.

Sebanyak enam TADIS dipilih sebagai peneraju menggunakan televisyen android bagi tujuan pengajaran serta pembelajaran sama ada secara dalam talian di rumah mahupun secara bersemuka.

Selain TADIS Masjid Negeri yang terletak di Jalan Air Itam, turut menerima sumbangan tersebut adalah TADIS Madrasah Al-Hidayah Ad-Diniah, Balik Pulau; TADIS Surau Taman Kuala Bekah, Penaga; TADIS Madrasah Attahzibiah Adiniah Al-Islamiah, Butterworth; TADIS Sri Tuan Abdullah, Bukit Mertajam dan TADIS Al-Amin, Nibong Tebal.

Sumbangan disampaikan oleh Ahmad Zakiyuddin selaku Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti diiringi Mohd. Zakuan dan Zahar.

Hadir sama, Ketua Pengarah Bahagian Pendidikan JHEAIPP, Rosli Othman; Pegawai-pegawai Tadbir Daerah serta wakil-wakil daripada TADIS.

Difahamkan, televisyen android tersebut adalah sumbangan Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan, anak syarikat di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan melalui peruntukan pembangunan modal insan.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# PACE suntik semangat atlet berjaya akademik

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**SERAMAI** lapan atlet negeri yang berjaya melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) terpilih sebagai perintis untuk menerima insentif pendidikan *Penang Athlete Career Education* (PACE) daripada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) baru-baru ini.

Tiga daripada mereka yang bertuah ialah atlet memanah, M. Khambeswaran, Mohd. Daniel Rusydi Zainuddin (tenpin boling) dan Muhammad Hazwan Abd. Wahab (angkat berat).



**MOHD. Daniel Rusydi Zainuddin.**

Bagi **MOHD. DANIEL RUSYDI ZAINUDDIN**, 22, yang telah berkecimpung lebih sembilan tahun dalam arena tenpin boling melahirkan rasa syukur ekoran pertama kali terpilih untuk menerima insentif PACE berjumlah RM1,000 daripada MSNPP baru-baru ini.

Beliau yang merupakan pelajar tahun satu Ijazah Pengurusan di Universiti Sains Malaysia (USM) berkata bahawa pemberian insentif berkenaan sangat membantu meringankan beban kos pembelajaran dalam talian yang dilaksanakan pada tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kini.

"Pembelajaran sepenuhnya dijalankan secara dalam talian sekarang, sebagai pelajar sememangnya kami memerlukan wang saku lebih untuk membeli data internet, justeru saya gunakan pemberian ini untuk tujuan tersebut tanpa perlu menyusahkan ibu dan ayah.

"Sejujurnya, insentif PACE ini sangat bagus diperkenalkan kerana ia dapat membantu para atlet meringankan beban sekaligus menaikkan semangat atlet untuk tekun belajar dan meraih kejayaan dalam bidang akademik jua," ujarnya ketika ditemu ramah



**M. Khambeswaran.**

Buletin Mutiara baru-baru ini.

Manakala bagi atlet memanah negeri **M. KHAMBESWARAN**, 22, insentif berkenaan dilihat dapat membantu atlet-atlet sedia ada dan masa akan datang.

"Meskipun acap kali menerima pengiktirafan serta insentif kemenangan daripada Kerajaan Negeri ekoran beberapa kejayaan yang dirangkul dalam bidang memanah sebelum ini, namun insentif PACE ini amat berbeza kerana ia khusus untuk belajar, bagus suatu benda yang baharu.

"Lebih terharu, saya dipilih antara penerima pertama… dapatlah beli buku rujukan dan kelengkapan pembelajaran dalam talian dengan wang RM1,000 yang diterima ini," ujarnya yang kini menyambung pembelajaran di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang dekat Permatang Pauh.

Berkongsi kegembiraan sama, **MUHAMMAD HAZWAN ABD. WAHAB**, 21, berkata bahawa insentif RM600 yang diterimanya akan digunakan untuk membayar yuran pendaftaran serta menyediakan kelengkapan pembelajaran.

"Insentif ini sangat bagus diperkenalkan, selain membantu ringankan beban para atlet, ia juga dapat meningkatkan kerjaya para atlet sejurus tamat pengajian nanti," ujarnya yang telah berkecimpung dalam sukan angkat berat selama lebih tujuh tahun.



**MUHAMMAD Hazwan Abd. Wahab.**

Insentif PACE yang dilancarkan MSNPP pada 1 Ogos 2020 merupakan inisiatif khas dalam membantu para atlet negeri untuk berjaya dalam pendidikan, kerjaya serta menjaga hal ehwal kebajikan (atlet) selain bersukan.

Menurut Ketua Unit Program PACE MSNPP, **AZURA ABDUL RAHMAN**, pelaksanaan program tersebut didokong oleh sumbangan serta tajaan daripada pelbagai sektor korporat dan kini sejumlah RM520,000 telah berjaya dikumpulkan.

"Di bawah program PACE, terdapat tiga teras utama melibatkan program pendidikan, kerjaya dan juga kebajikan iaitu:

- Menyediakan platform pendidikan untuk memberi peluang kepada para atlet melanjutkan pelajaran ke menara gading;
- Membina laluan kerjaya kepada atlet serta bekas atlet untuk diserap ke sektor awam ataupun swasta;
- Memastikan kebajikan para atlet terpelihara setiap masa.

"Malah, di bawah program ini juga, terdapat enam jenis bantuan kewangan disalurkan kepada atlet yang layak secara *one-off* iaitu Bantuan Insentif Pendidikan IPT, Bantuan Khairat Kematian Atlet, Bantuan Rawatan Penyakit, Bantuan Kos Pembedahan dan Bantuan Bencana Alam, manakala Bantuan Biasiswa Sukan diberikan sepanjang tempoh pengajian," ulasnya.



**AZURA Abdul Rahman.**

## Pelebaran sistem perparitan Jalan P. Ramlee jangka siap Ogos

**SUNGAI PINANG -** Projek penarafan sistem perparitan dan jalan raya dekat Jalan Sungai Pinang yang menelan belanja RM3.256 juta mula dilaksanakan pada bulan Ogos 2020 dan dijangka siap pada Ogos 2021.

Mengumumkan perkara itu, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berharap projek penarafan tersebut dapat mengurangkan lagi risiko banjir di sini.

"Saya berasa begitu gembira kerana salah satu projek tebatan banjir di Jalan P. Ramlee, merupakan projek terbesar yang dilaksanakan pada tahun 2020 dan dijangka siap pada 2021 iaitu projek pelebaran sistem perparitan di kawasan ini sehingga jalan berkaitan.

"Projek ini sendiri merangkumi kerja-kerja penarafan sistem perparitan serta meninggikan paras jalan raya sedia ada.

"Kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) sememangnya prihatin dan melaksanakan apa jua kemudahan perlu serta boleh (dilaksanakan) demi keperluan rakyat negeri ini,'' jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat semasa melawat tapak projek penarafan sistem perparitan serta jalan raya dekat Jalan P. Ramlee di sini 20 Disember 2020.

Pengarah Kejuruteraan bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. A. Rajendran turut menyertai sidang media tersebut.

Menurut Jagdeep, untuk melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang, secara keseluruhannya memerlukan RM650 juta dan Kerajaan Persekutuan sebelum ini telah meluluskan peruntukan RM150 juta untuk pelaksanaan projek berfasa tersebut.

"RTB dengan peruntukan terbesar di seluruh negara adalah di Sungai Pinang.

"Saya begitu gembira kerana dalam pembentangan Rancangan Tebatan Banjir Ke-12 (RMK-12) (bagi tempoh 2021-2025) telah meluluskan peruntukan untuk projek RTB ini.

"Justeru, ingin saya jelaskan kepada semua pihak bahawa projek dalam perancangan pelaksanaan dan kita (Kerajaan Negeri) berharap dapat saling bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan," ulasnya.

Dalam pada itu, Rajendran memberitahu bahawa projek penarafan bernilai RM3.256 juta tersebut meliputi kerja-kerja pemasangan empat pam serta dua rumah pam saluran air ke Sungai Jelutong.



# Bukit Katak dan Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam, produk pelancongan unik

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**SUNGAI DUA -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus mempromosi agropelancongan dan ekopelancongan bagi memantapkan kembali sektor pembangunan pelancongan negeri ini pada pasca COVID-19.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin berkata demikian selepas mengadakan lawatan khas ke bekas tapak lombong dikenali sebagai 'Bukit Katak' dekat Jarak Atas, Tasek Gelugor di sini 16 Disember 2020.

Menurut beliau, kawasan tersebut kian menjadi tumpuan muda-mudi dan keluarga untuk aktiviti merakam gambar serta kayuhan basikal, sejak tular dalam media baharu.

"Ekopelancongan dan pelancongan kekeluargaan kian diminati semua.

"Seperti di Bukit Katak ini, walaupun ada pelbagai kekangan (untuk dipulihara sebagai produk ekopelancongan negeri) kerana ia terletak di tanah persendirian, namun, lokasi tersebut adalah sangat sukar untuk 'dipenduakan'.

"Jadi, memang saya telah ada perancangan untuk memulihara semula sektor pelancongan dan ekonomi kreatif ini.

"Saya ke beberapa lokasi untuk mengenal pasti kawasan-kawasan unik serta sukar 'dipenduakan' bagi menarik lebih ramai pelancong domestik untuk ke Pulau Pinang," jelasnya kepada Buletin Mutiara.

Turut serta, Pegawai Penyelaras Khas Parlimen Kepala Batas, Lay Hock Peng dan Ahli Majlis Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Ooi Yong Wooi.



JAMBATAN gantung Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam yang menjadi tumpuan utama pengunjung yang bertandang.

Di samping itu, Soon Hin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong turut melawat Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam dekat Sungai Dua.

Menurut beliau, infrastruktur serta kemudahan ekopelancongan di sini adalah perlu lagi dipromosi bagi tujuan pendidikan dan pelancongan kekeluargaan.

Justeru, Soon Hin memberi komitmen untuk mengadakan perbincangan lanjut dengan Jabatan Perhutanan bagi kerja-kerja pemuliharaan serta pemeliharaan kawasan pelancongan terpilih tersebut.

"Saya akan cuba menghubungi Jabatan Perhutanan, cari jalan macam mana untuk saling kerjasama," ulasnya lanjut.

Selain itu, Soon Hin turut menjelaskan bahawa Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang (PTMP) akan terus memberi tumpuan untuk menarik lebih ramai pelancong domestik ke Pulau Pinang, dengan mengambil kira realiti negara yang masih belum bebas daripada pandemik COVID-19.

"Kita tidak tahu bilakah negara akan bebas daripada COVID-19, dan pintu sempadan akan dibuka untuk penerbangan antarabangsa.

"Oleh itu, kita akan terus memberi tumpuan untuk membawa pelancong domestik ke negeri ini, dengan mempromosikan lagi produk-produk pelancongan yang hanya ada di negeri ini sahaja.



KEUNIKAN Bukit Katak yang sentiasa mencuri tumpuan pengunjung dari serata tempat.



YEOH Soon Hin (tengah), Lay Hock Peng (kanan sekali) dan Ooi Yong Wooi merakam gambar kenangan dengan berlatarbelakangkan panorama menarik Bukit Katak pada lawatan khas yang diadakan di sini baru-baru ini.

# PDC, iHeal meterai MoU bangunkan hab perubatan

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Syarikat iHeal Health Sdn. Bhd. (iHeal) bagi membangunkan hab perubatan dekat Bandar Cassia baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa PDC sebagai agensi pembangunan unggul di Pulau Pinang sedang membangunkan sebuah lagi tanah milikan Kerajaan Negeri di Bandar Cassia dekat Batu Kawan seluas 6,000 ekar dengan pelbagai komponen pembangunan di bandar ketiga bersepadu berkenaan.

Menurut beliau, bandar ketiga bersepadu tersebut merangkumi pelbagai komponen pembangunan termasuk perumahan mampu milik serta taman perindustrian selain ingin meneroka peluang baharu sebagai nilai tambah kepada Bandar Cassia.

"Maka, pemeteraian ini adalah bagi membangunkan hab perubatan di Bandar Cassia sekaligus bertujuan mempromosikan Pulau Pinang sebagai hab ASEAN bagi teknologi perubatan dan digital merangkumi kemudahan-kemudahan perubatan bertaraf antarabangsa yang menawarkan penjagaan kesihatan berpiawaian tinggi," ujarnya pada majlis pemeteraian yang berlangsung di sini pada 11 Januari lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Yeoh Soon Hin (Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif); Zairil Khir Johari (Exco Infrastruktur dan Pengangkutan); Dato' Abdul Razak Jaafar (Setiausaha Kerajaan Negeri); Dato' Mohd. Bazid Abdul Kahar (Ketua Pegawai Eksekutif PDC) dan Dr. David Khoo (Pengerusi Eksekutif & Pengarah Pengurusan Kumpulan iHeal Health Sdn. Bhd.).

Pembangunan hab teknologi perubatan dan digital atau *Penang Medical and Digital Technology Hub* berkeluasan 295 ekar terletak di atas Lot 282, Batu Kawan bakal dijadikan sebagai pusat setempat *(one stop centre)* untuk kesihatan, pendidikan serta teknologi dilengkapi dengan fasiliti dan kemudahan awam yang mesra alam.

Mengulas lanjut mengenai inisiatif ulung tersebut, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi menjelaskan bahawa syarikat iHeal akan memuktamadkan cadangan hab teknologi perubatan dan digital tersebut dalam tempoh satu tahun.

"Penelitian lebih mendalam perlu dilakukan sebelum mereka (iHeal) memuktamadkan cadangan proposal akhir.

"Kerajaan Negeri menaruh harapan tinggi untuk melihat segala perancangan antara kedua-duanya iaitu PDC dan iHeal bakal membuahkan hasil dan kejayaan bermanfaat untuk rakyat serta negeri Pulau Pinang," ulasnya.



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil iHeal meneliti peta tapak pembangunan sejurus majlis pemeteraian MoU antara PDC dan syarikat berkaitan di sini baru-baru ini.

## Tebatan banjir Solok Van Praagh efektif kurang impak banjir kilat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**BATU LANCANG –** Kerja-kerja projek tebatan banjir fasa satu membabitkan pembinaan dua kolam takungan berhampiran kawasan kediaman di Solok Van Praagh dekat sini yang menelan kos sebanyak RM378,000 telah siap dibina.

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari ketika ditemui berkata bahawa projek tersebut adalah bagi mengurangkan impak kekerapan banjir kilat di kawasan berkaitan.

"Antara kerja-kerja yang dilaksanakan adalah dengan memperluaskan saiz paritan sedia ada supaya dapat menampung jumlah air lebih tinggi (daripada segi kapasiti)," ujarnya yang hadir mengadakan tinjauan di tapak berkaitan pada 12 Januari lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong; Pengarah Kejuruteraan bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. A. Rajendran serta wakil Jabatan Pengairan dan Saliran, Ooi Soon Lee.

Mengulas lanjut, Zairil memaklumkan bahawa selain kerja-kerja perparitan, projek tersebut juga membabitkan beberapa komponen lain.

"Antaranya, pemasangan empat kotak pembetungan yang membolehkan air disalirkan terus ke Sungai Jelutong.

"(Dan) sekiranya berlaku hujan lebat, kolam takungan ini mampu menampung sehingga 1,500 meter kubik air.

"Lain-lain komponen adalah seperti kerja-kerja pelebaran jalan, tar semula jalan sepanjang tapak binaan serta mewujudkan trek jogging sepanjang 220 meter bagi tujuan menambah baik persekitaran di sini," katanya.

Sebagai rekod, pada tahun 2019, sebanyak 12 kali kawasan tersebut dinaiki air dan sejak projek tersebut siap pada Oktober tahun lalu, tiada kejadian banjir kilat dilaporkan meskipun hujan lebat turun beberapa kali.

Bagi Zairil, projek tersebut berjaya dan efektif kerana bukan sahaja mengurangkan impak banjir kilat tetapi juga mengindahkan kawasan kediaman di sini.

"Fasa dua nanti, kita (Kerajaan Negeri) akan buat panggilan tender dalam masa terdekat ini.

"(Dan) ia melibatkan laluan pembetungan bawah tanah yang dijangka akan mengambil masa dua tahun untuk disempurnakan.

"Saya percaya projek ini akan menelan kos yang tinggi memandangkan fasa dua ini fasa penting dalam pengurusan banjir di negeri ini.

"Malah, kita (Kerajaan Negeri) juga telah mengenal pasti beberapa lokasi yang memerlukan perhatian daripada segi reka bentuk untuk dibentangkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran," jelasnya.

Dalam pada itu, Ah Teong memberitahu bahawa pihaknya amat gembira dan berharap projek tebatan banjir yang dirancang oleh Kerajaan Negeri berkaitan mampu memberi penyelesaian jangka panjang dalam pengurusan banjir.

"Saya berharap fasa berikutnya dapat dimulakan segera memandangkan ia akan memberi manfaat kepada penduduk di kawasan kediaman dekat sini," katanya.



(Dari kiri) IR. A. Rajendran, Zairil Khir Johari dan Ong Ah Teong meneliti pelan pembinaan projek tebatan banjir di Solok Van Praagh ketika mengadakan tinjauan di sini baru-baru ini.

## Bot pelancongan tingkat pendapatan penduduk Kampung Terus

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) baru-baru ini menyerahkan surat setuju terima dua buah bot pelancongan kepada Koperasi Ibu Tunggal dan Wanita Berhad Seberang Perai Tengah (SPT).

Menurut Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin, sumbangan bot tersebut kelak mampu meningkatkan pendapatan penduduk Kampung Terus, Penanti berserta kawasan setempatnya.

"Ini adalah satu usaha untuk menggalakkan agropelancongan di kawasan kampung dengan melibatkan wanita serta kerjasama nelayan, di samping itu, ia juga boleh menambah pendapatan pesawah melalui agropelancongan sungai.

"Selain itu, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah diarahkan untuk menaik taraf jeti Sungai Tembus di Penaga agar pengusaha dapat membawa pelancong menelusuri sungai tersebut bagi melihat lebih 20,000 burung migrasi yang singgah di kawasan tersebut.

"Manakala di Changkat, Nibong Tebal, unit nelayan mohon diadakan pasar nelayan, gerai-gerai… di situ ada kira-kira 100 bot dan mereka (nelayan) ada buat pakej memancing, jadi ini adalah usaha Kerajaan Negeri ketika hadapi pandemik COVID-19 khas bagi meningkatkan pendapatan nelayan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti sambil menyifatkan penggunaan bot baharu tersebut mampu menjadi pemangkin kepada pelancongan berasaskan pertanian yang semakin mendapat tempat di Penaga dan Seberang Perai Utara (SPU) kini.

Hadir sama pada majlis sidang media bertarikh 18 Disember 2020 itu ialah Timbalan Setiausaha Bahagian (Sektoral) BPEN, Muhamad Husni Mahmud; Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Terus, Bahruddin Abdullah; Pengerusi Koperasi Ibu Tunggal dan Wanita Berhad SPT, Lathipah Abdul Rahaman.

Dalam pada itu, Baharuddin menyatakan bahawa sebelum ini pengusaha terpaksa menyewa bot pelancongan daripada pihak ketiga dan ia melibatkan kos sampingan.

"Jadi, bila ada bot sendiri ia adalah lebih mudah, kawasan luas, program pun kerap diadakan seperti santai Ahad Sungai Terus.

"Untuk harga, kita akan bincang semula dengan koperasi yang mana di samping mendapat keuntungan, pada masa sama kita tidak mahu menekan pelancong," ulasnya kepada Buletin Mutiara.

# Kemelut Lot 256 Teluk Kumbar selesai

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAYAN LEPAS –** Hasil inisiatif Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, baki 10 keluarga di Lot 256 yang memohon rumah kos sederhana rendah (KSR) dan kos rendah (KR) menerusi Kerajaan Negeri memperoleh kelulusan baru-baru ini.

ADUN berkaitan, Azrul Mahathir Aziz berkata bahawa semua permohonan yang dibuat melalui pusat khidmatnya telah diluluskan Kerajaan Negeri.

"Alhamdulillah, semua 10 permohonan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri, dan kini saya dapat menyerahkan kepada dua pemohon terakhir untuk tawaran memiliki rumah di The Dua Residensi Teluk Kumbar," ucapnya pada Majlis Kesyukuran Lot 256 Teluk Kumbar di sini 9 Januari lalu.

Dua penerima surat tawaran tersebut adalah Mohamed Faizal Mohamed Jailani dan Muhammad Syazwan Suhaimi.

Terdahulu, seramai 19 penduduk di Lot 256 bersetuju menerima pampasan berjumlah RM60,000 dan tindakan merobohkan rumah mereka telah dilakukan.

Mengulas lanjut, Azrul Mahathir menyatakan bahawa Lot 256, Teluk Kumbar milik Dynamite Harmony Sdn. Bhd. akan dimajukan dengan pembinaan 129 unit rumah KSR bernilai RM72,500 dan RMM (85) tidak melebihi RM300,000.

"Turut bakal dibina adalah lot-lot komersial serta dewan orang ramai untuk kegunaan penduduk setempat," tambahnya.




**AZRUL Mahathir (tengah) bersama-sama wakil berkaitan menyampaikan dokumen tawaran rumah kepada Mohamed Faizal Mohamed Jailani (dua dari kanan) pada Majlis Kesyukuran Lot 256 Teluk Kumbar di sini baru-baru ini.**

PERMATANG SANCTUARY
Fasa 7 di Bukit Mertajam

Jenis A
Rumah Berkembar 2 Tingkat
LUAS TANAH 32.8' x 82'
LUAS BINAAN Tingkat Bawah 22.3' x 43.2' | Tingkat Atas 22.8' x 47.8'



Jenis B
Rumah Berkembar 2 Tingkat
LUAS TANAH daripada 2917 k.p.
LUAS BINAAN Tingkat Bawah 22.3' x 43.2' | Tingkat Atas 22.8' x 45.2'



Jenis C
Rumah Sesebuah 2 Tingkat
LUAS TANAH daripada 3767 k.p.
LUAS BINAAN Tingkat Bawah 29' x 39.9' | Tingkat Atas 29' x 41.9'



Jenis C1
Rumah Sesebuah 2 Tingkat
LUAS TANAH daripada 4316 k.p.
LUAS BINAAN Tingkat Bawah 29' x 39.9' | Tingkat Atas 29' x 39.9'



Untuk pertanyaan, sila hubungi
04-588 8333
Isnin - Jumaat 8.30pg - 5.30ptg
Sabtu, Ahad & Cuti Umum 10pg - 5ptg
Manda'rina Sdn Bhd
Lot 1768, Jalan Impian Indah 3, Alma, 14000 Bukit Mertajam. Faks 04-588 3832 E-mel sales@ijm.com
www.facebook.com/ijmland www.ijmland.com

IJM LAND
An IJM Company

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

SANCTUARY VILLAGE
Hak Milik Kekal • 5% Diskaun untuk Bumiputera

Gaya Hidup Menarik untuk Seisi Keluarga

Alami kehebatan Sanctuary Village, fasa 7 Permatang Sanctuary. Sanctuary Village tersedia dengan ruang selesa, kehijauan mempesona dan kemudahan taman agar anda dapat meluangkan masa berkualiti bersama keluarga di persekitaran yang damai.




Berdekatan Segala Kemudahan

Nikmati akses segera ke pelbagai destinasi kerja dan rekreasi serta mercu tanda utama. Semua keperluan dan keinginan anda terletak berhampiran untuk memudahkan kehidupan anda.

MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG

# INFO SUKAN

EDISI 3

**HUBUNGI KAMI**
**Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang**
Jalan Sultan Azlan Shah
Batu Uban, 11700 Gelugor, Pulau Pinang
Tel: 04-659 3713 / 659 3714 / 659 3715 Faks: 04-659 5996
Email: info.msnpp@gmail.com

| | |
|---|---|
| **PERSATUAN ANGKAT BERAT AMATOR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4099020<br>EMAIL: ramalingamretnam7@gmail.com | **PERSATUAN MEMANAH NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 017-4155293<br>EMAIL: Syed971129@gmail.com |
| **PERSATUAN BADMINTON PULAU PINANG**<br>NO TEL: 017-4774888 / 04-5080777<br>EMAIL: kwleong@rocketmail.com | **KELAB MENEMBAK PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-4009333<br>EMAIL: boscloth@gmail.com |
| **PERSATUAN BERBASIKAL NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-4098110<br>EMAIL: encikmunir1965@gmail.com | **PERSATUAN MUAYTHAI PULAU PINANG**<br>NO TEL : 019-4177460<br>EMAIL: hookhing1206@gmail.com |
| **PERSATUAN BILIARD DAN SNUKER PULAU PINANG (BARU)**<br>NO TEL: 012-4032713<br>EMAIL: penangbnsa@gmail.com | **PERSATUAN OLAHRAGA AMATUR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4628260<br>EMAIL: govind0101@hotmail.com |
| **PERSATUAN BINA BADAN PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4707882<br>EMAIL: bodysifu@gmail.com / shukri.sunworld@gmail.com | **PERSATUAN OLAHRAGA MASTERS PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4628292<br>EMAIL: phpodim@gmail.com |
| **PERSATUAN BOLA BALING PULAU PINANG (BARU)**<br>NO TEL: 019-4334274<br>EMAIL: sitibalqiskhalid@gmail.com | **MAJLIS SILAT NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 017-4156724<br>EMAIL: zack_hassan@gmail.com |
| **PERSATUAN BOLA JARING PULAU PINANG (BARU)**<br>NO TEL: 012-5323902<br>EMAIL: eida_bern83@yahoo.com | **PERSATUAN PERAHU LAYAR NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 011-55090078<br>EMAIL: roztai@gmail.com |
| **PERSATUAN BOLA KERANJANG PULAU PINANG**<br>NO TEL: 019-4486190<br>EMAIL: cwtan.hla@gmail.com | **PERSATUAN PETANQUE NEGERI PULAU PINANG (BARU)**<br>NO TEL: 019-5782090<br>EMAIL: penque2010@gmail.com |
| **PERSATUAN BOLASEPAK PULAU PINANG**<br>NO TEL: 04-2289454<br>EMAIL: fapenang1921@gmail.com | **PERSATUAN PING PONG PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-4316119<br>EMAIL: tkoon@amlextech.com |
| **PERSATUAN BOLA TAMPAR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-4091387<br>EMAIL: pllian9999@gmail.com | **PERSATUAN RAGBI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 019-5643555<br>EMAIL: ahmad.yusri.mohd.yusoff@gmail.com |
| **PERSATUAN CATUR NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4718273<br>EMAIL: tehinhooi@gmail.com | **PERSATUAN RENANG AMATUR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4354691<br>EMAIL: honsec.pasa@yahoo.com |
| **PERSATUAN SUKAN ELEKTRONIK PULAU PINANG**<br>NO TEL: 013-7718346<br>EMAIL: pulaupinang.esc07@gmail.com | **PERSATUAN SEPAKTAKRAW PULAU PINANG**<br>NO TEL: 013-4211422<br>EMAIL: ismadibb@gmail.com |
| **PERSATUAN FLOORBALL NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4140766<br>EMAIL: jychuah25@gmail.com | **PERSATUAN SILAMBAM PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4674448<br>EMAIL: silambampenang@yahoo.com |
| **PERSATUAN GOLF PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-3140266<br>EMAIL: llchoo1962@yahoo.com | **PERSATUAN SQUASH PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4182032<br>EMAIL: psdanloh@gmail.com |
| **PERSATUAN HOKI NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-4933314<br>EMAIL: jayanpsha1973@hotmail.com | **PERSATUAN SOFBOL PULAU PINANG**<br>NO TEL: 017-4793548<br>EMAIL: kennyteoh@hotmail.com |
| **MAJLIS JIMNASTIK AMATUR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 019-4114896<br>EMAIL: ybchoo66@yahoo.com | **KELAB SUKAN MOTOR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 017-4777919<br>EMAIL: ccolin88@gmail.com |
| **PERSATUAN JUDO PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-7658867<br>EMAIL: chkkee2@gmail.com | **TAEKWONDO NEGERI PULAU PINANG (TM)**<br>NO TEL: 016-4596550<br>EMAIL: rajendran.rajoo@yahoo.com |
| **PERSATUAN KABADDI AMATOR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-5560294<br>EMAIL: shanker_7854@yahoo.com | **PERSATUAN TENPIN BOWLING PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-4851775<br>EMAIL: cheahbc2233@gmail.com |
| **PERSEKUTUAN KARATE PULAU PINANG**<br>NO TEL: 017-4779400<br>EMAIL: penangkarate@gmail.com | **PERSATUAN TINJU AMATOR PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4574002<br>EMAIL: scarujunan@usm.gov |
| **PERSATUAN KENU NEGERI PULAU PINANG (BARU)**<br>NO TEL: 012-4991141<br>EMAIL: girlietan123@hotmail.com | **PERSATUAN WOODBALL PULAU PINANG**<br>NO TEL: 019-4558110<br>EMAIL: woodballpenang@yahoo.com |
| **PERSATUAN KRIKET PULAU PINANG**<br>NO TEL: 018-4668445<br>EMAIL: devvakumar@gmail.com | **PERSEKUTUAN PERSATUAN-PERSATUAN WUSHU, TARIAN SINGA DAN NAGA NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL: 019-3219392<br>EMAIL: tayleongseng@gmail.com |
| **PERSATUAN LAWAN PEDANG PULAU PINANG**<br>NO TEL: 012-4823255<br>EMAIL: pjlim_2000@yahoo.com | **PERSATUAN AIKIDO NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL : 012-5220684<br>EMAIL : arrowind.joshua@gmail.com |
| **PERSATUAN LAWN BOWLS NEGERI PULAU PINANG (2020)**<br>NO TEL: 019-4719514<br>EMAIL: zanzuri.hashim@mbsp.gov.my | **PERSATUAN MENDAYUNG PULAU PINANG**<br>NO TEL: 016-4656961<br>EMAIL : kbkhoo1351@gmail.com |
| **PERSATUAN LAWN TENIS PULAU PINANG**<br>NO TEL: 019-4465810<br>EMAIL: paullimht@hotmail.com | **PERSATUAN MENDAKI NEGERI PULAU PINANG**<br>NO TEL : 017-4790719<br>EMAIL : penangclimbing@gmail.com |

# NORMA BAHARU : Penglibatan Pasukan Pulau Pinang dalam Kejohanan 'ONLINE'

## MEMANAH

**Pasukan Memanah Pulau Pinang** telah menyertai **Indoor Archery World Series Online Stage 2.** Kejohanan ini diadakan sebanyak 4 siri dan Pasukan Memanah Pulau Pinang telah menyertai siri yang ke 2 pada 18 hingga 20 Disember 2020 yang lalu. Acara yang dipertandingkan adalah Recurve dan Compound (Jarak: 18 meter). Seramai 5,186 orang peserta dari serata dunia dan seramai 19 orang atlet Pulau Pinang (10 orang atlet lelaki dan 9 orang atlet wanita) telah menyertai kejohanan memanah atas talian kali ini. Mata tertinggi setiap acara pada setiap siri akan dibawa ke pusingan akhir.








Barisan Pasukan Memanah Negeri Pulau Pinang

## WUSHU

**1st Wushu Stars Championships 2020 – Online**

Tahniah kepada atlet Wushu Pulau Pinang yang berjaya memungut pelbagai pingat dalam kejohanan yang bertaraf antarabangsa 1st Wushu Stars Championship 2020 - Online yang telah berlangsung pada 1 Oktober hingga 25 Disember 2020.

1st Wushu Stars Championships 2020 dijadualkan diadakan di Singapura pada bulan Disember tetapi, wabak COVID-19 baru-baru ini telah menghalang kejohanan ini dianjurkan secara fizikal. Oleh itu,jawatankuasa penganjur telah memutuskan untuk membawa pertandingan secara dalam talian (*Online*).

Kejohanan *online* ini telah menampilkan acara dari kontemporari dan tradisional.

Peserta yang berdaftar perlu menghantar video mereka secara *online*. Pemenang diadili melalui pengundian dan penilaian juga secara *online* oleh pihak jawatankuasa penilaian.

Terdapat beberapa negara telah menyertai kejohanan ini seperti Malaysia, Singapura , Indonesia, India dan lain-lain. Atlet Skuad SUKMA Negeri Pulau Pinang dibawah CMF Wushu Academy telah pun berjaya mencapai kejayaan seperti berikut:

**Lee Shafei**
Freestyle Daoshu
(Female A18) *-Pingat Emas*

**Lee Belfern**
Freestyle Nanquan
(Female U17) *-Pingat Emas*

**Tan Pei Yu**
Freestyle Daoshu
(Male U17) *-Pingat Emas*




## ESPORTS

**Tahniah** kepada pasukan Esport Pulau Pinang atas penyertaan di **Kejohanan Northern ESport Championship 2020** yang dilangsungkan secara online pada 2 hingga 3 Januari 2021. Pasukan Pulau Pinang telah berjaya mendapat Johan Keseluruhan dalam kejohanan tersebut dengan memenangi jumlah kemenangan sebanyak RM 15,400.00! Berikut adalah Kategori yang telah dimenangi :

***MOBILE LEGEND BANG BANG***
Johan (RM5000.00)
Tempat ke-4
(RM1000.00)

***DOTA 2***
Johan (RM3500.00)
Naib Johan
(RM2000.00)

***PUBG***
Naib Johan
(RM2500.00)

***PUBG***
Naib Johan (RM2500.00)

**FIFA 21**
NAIB Johan
(RM1000.00)

**PES**
Tempat ke-4
(RM400.00)




Pemenang-pemenang dari Pasukan Sukan Elektronik Pulau Pinang

**"MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG** ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada jurulatih-jurulatih dan persatuan-persatuan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan kepada atlet-atlet dalam kejohanan yang disertai."

# INFO SUKAN : BADMINTON

PERSATUAN BADMINTON PULAU PINANG
NO TEL: 017-4774888 / 04-5080777
(EMAIL: kwleong@rocketmail.com)

**Permainan badminton** memerlukan gelanggang, raket dan bulu tangkis. Badminton boleh dimainkan dengan 2 orang atau 4 orang pemain. Semua lapisan peringkat umur sama ada lelaki atau perempuan boleh bermain badminton. Badminton juga boleh dimainkan secara santai untuk mengisi masa lapang atau secara pertandingan. Terdapat acara berpasukan dan individu. Bagi acara individu kategorinya adalah perseorangan lelaki dan wanita, beregu lelaki dan wanita serta beregu campuran. Piala Thomas/Uber dan Piala Sudirman ialah acara berpasukan.

Sistem Kedudukan Pemain Badminton Dunia dibahagi kepada lima disiplin iaitu perseorangan lelaki, perseorangan wanita, beregu lelaki, beregu wanita dan beregu campuran. Status kedudukan pemain diperakui oleh Badminton of - World Federation (BWF).

Nama Datuk Lee Chong Wei tidak asing lagi di kalangan rakyat Pulau Pinang dan Malaysia pada am nya dalam dunia sukan Badminton. Beliau merupakan pemain persorangan negara yang paling diberjaya dan mengumumkan persaraannya pada pada usia 37 tahun dengan menegaskan dia perlu mengutamakan kesihatannya.

Chan Peng Soon yang juga berasal dari Pulau Pinang dan kini namanya juga menjadi bualan ramai merupakan seorang pemain badminton dalam acara beregu campuran bersama Goh Liu Ying yang sedang mencipta keduduken terbaik BWF.

Pemain perseorangan wanita pelapis negara, Goh Jin Wei meneruskan prestasi cemerlang. Pemain yang berasal dari Pulau Pinang ini, yang juga pernah memenangi pingat Emas di Youth Olympic Games pada 2018 dan pernah menjuarai sebanyak 2 kali di World Junior Championchips pada tahun 2015 dan 2018, setelah mengalami kecederaan pada tahun 2019, Ranking beliau agak menurun dan beliau berjanji untuk bangkit semula setelah sihat dari kecederaan itu.



# Komited pertahan seni unik



JONATHAN Yun menunjukkan salah satu hasil seni ukirannya.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS & ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**SEBUT** sahaja mengenai barangan kemas, sudah pasti ramai yang membayangkan perhiasan emas dengan ukiran menarik dan bertakhtakan batu permata.

Namun, seorang pengusaha barangan kemas, **JONATHAN YUN**, beliau memilih logam perak sterling sebagai bahan asas barangan perhiasan dihasilnya.

Memilih Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town sebagai pusat perniagaan beliau, Jonathan menterjemahkan ukiran bermotifkan Cina Peranakan dalam menghasilkan rekaan beliau.



SEBAHAGIAN barangan kemas perak yang menjadi koleksi Jonathan Yun Sculptural Jewellery.

"Saya dapati corak-corak bermotifkan Cina Peranakan atau Baba Nyonya ini semakin lama semakin berkurangan, sekiranya tidak dijaga, saya bimbang ia akan lenyap ditelan zaman.

"Oleh itu, sejak menceburkan diri dalam bidang ukiran barangan hiasan perak, saya berhasrat memelihara ukiran Cina Peranakan," ujarnya dalam satu sesi temu bual bersama-sama Buletin Mutiara di premisnya yang terletak di Lebuh Armenian dekat George Town pada 1 Disember 2020.

Di sebalik menerapkan rekaan bermotifkan Cina Peranakan, minat Johathan juga terarah kepada corak-corak rekaan flora, fauna serta hidupan laut.

"Saya suka aktiviti selam skuba, ia memudahkan saya mendapat ilham untuk mencipta ukiran-ukiran menarik untuk jualan," kongsinya.

Menyentuh mengenai pencapaian sepanjang terlibat dalam seni hiasan perak, beliau menyatakan bahawa perkara tersebut telah memberi peluang kepadanya memperkenalkan seni Cina Peranakan di pentas antarabangsa.

Selain itu, Jonathan juga pernah berkhidmat di beberapa syarikat ternama seperti Royal Selangor Pewter dan mendalami ilmu ukiran di *Royal Melbourne Institute of Technology*.

Menurut pemilik Jonathan Yun Sculptural Jewellery tersebut, beliau pernah menjual hasil ukirannya pada harga termahal iaitu RM50,000. Malah, hasil karyanya turut diperagakan oleh model-model ternama.

Selama berkecimpung dalam bidang tersebut, Jonathan tidak terkecuali menerima pengalaman pahit antaranya melibatkan hak cipta.

Malah, berdepan pandemik COVID-19 juga menjadi cabaran buat diri beliau berikutan ketiadaan pelancong dari luar negara yang mana kebanyakan hasil jualannya adalah bergantung kepada pembeli golongan berkenaan.

"Lebih mudah untuk berputus asa, tetapi saya mesti terus berusaha dan memastikan seni ukiran perak ini terus 'bernafas' meskipun berdepan dengan ketidaktentuan kini," tekadnya yang turut menjadikan platform media sosial sebagai medium mempromosikan hasil terkini karyanya.

Tidak jauh dari pusat perniagaan Jonathan, wartawan Buletin Mutiara turut sempat mengunjungi seorang lagi penggiat seni yang juga pemilik Studio Howard yang terletak di Lebuh Armenian.

**HOWARD TAN**, mengusahakan galeri seni, fotografi, barangan antik serta barangan guna semula.

Naluri seni yang luas dalam jiwa Howard sering mengilhamkan beliau untuk menghasilkan bingkai gambar artistik bersama-sama barangan guna semula sebagai bahan pameran serta jualan.

"Saya begitu berminat dalam menghasilkan foto-foto unik untuk para pelanggan di samping penghasilan beg guna semula mengikut citarasa pelanggan dan sebagai simbol menghargai alam semula jadi.

"Setiap produk seni yang dihasilkan terdapat ciri-ciri khas dan seninya tersendiri untuk tatapan pelanggan bertujuan menggalakkan orang ramai membeli produk-produk guna semula.

"Dalam memainkan peranan 'menyelamatkan' alam sekitar, barangan dihasilkan adalah sangat menarik untuk digunakan sebagai kegunaan seharian," ulasnya.

Antara produk yang mencuri tumpuan di Studio Howard adalah pelitup muka batik, beg guna semula, poskad, kolaj, buku-buku serta barangan-barangan antik yang mempunyai peminatnya tersendiri.

Bukanlah sesuatu yang mudah bagi Howard yang lebih 20 tahun bertapak di Tapak Warisan Dunia UNESCO ini apabila terpaksa berdepan dengan pandemik yang melanda.

"Bukan saya sahaja terjejas, memang ramai peniaga berdepan masalah sama ekoran beberapa prosedur operasi standard (SOP) yang perlu dipatuhi.

"Sebagai negeri yang terkenal dengan pelancongan dan kesenian lampau, Pulau Pinang pastinya terjejas. Walau bagaimanapun, saya akan cuba bertahan demi kelangsungan seni yang dibawa," katanya yang turut mempunyai beberapa lagi cawangan di negeri ini; Langkawi, Kedah; Kuala Lumpur dan Singapura.



HOWARD Tan menunjukkan bingkai-bingkai gambar yang dihasillkan.



PRODUK jualan di premis Studio Howard.



# Bukit Seraya, misteri dan kaya kisah sejarah

EMPANGAN Seraya yang dibina pada era penjajahan Inggeris.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT** Seraya yang terletak dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Machang Bubuk, Bukit Mertajam sememangnya mempunyai sejarah dan pelbagai cerita misteri tersendiri.

Digazetkan sebagai kawasan Hutan Simpan, Bukit Seraya dengan ketinggian kira-kira 450 meter turut menjadi lokasi pendakian yang semakin popular sama ada dalam kalangan masyarakat tempatan mahupun luar negeri.

Selain Taman Rimba Cherok Tokun, Bukit Seraya juga bosleh diakses dari arah perkampungan berdekatan seperti Perkampungan Machang Bubok, Kampung Telok, Cherok Tokun Atas dan Tokun Bawah.

Baru-baru ini, pasukan Buletin Mutiara bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon berkesempatan merasai sendiri pengalaman mendaki ke Bukit Seraya dengan dibantu oleh *Wildlife Researcher & Nature Educator*, Jo Leen Yap.

Sebenarnya, masa yang diperlukan untuk sampai ke puncak Bukit Seraya adalah bergantung kepada tahap kecerdasan atau kemahiran seseorang pendaki.

Bagi pemula, masa yang diperlukan untuk sampai ke puncak Bukit Seraya boleh memakan masa sehingga tiga jam tetapi bagi mereka yang sudah mahir mungkin memerlukan hanya satu atau dua jam sahaja.

## Pelbagai keunikan flora dan fauna

Enam jam perjalanan mendaki dan menuruni Bukit Seraya memang menghadirkan pengalaman tersendiri terutamanya apabila berpeluang melihat secara dekat beberapa spesies flora dan fauna unik yang jarang ditemui.

Melangkah sahaja ke laluan masuk Bukit Seraya dari arah Taman Rimba Cherok Tokun, pendaki dapat melihat sepohon pokok Tulip Afrika yang dikatakan dibawa masuk dan ditanam di negara ini oleh kolonial British sejak beberada dekad lalu.

Menapak lebih jauh, kita akan menemui beberapa spesies flora unik seperti pokok Seraya yang merupakan *'landmark'* bagi Bukit Seraya.

Selain itu, terdapat juga pokok buah-buahan yang biasa dilihat seperti pokok durian, manggis, tongkat ali, pokok ara, buah pala dan banyak lagi.

Paling menarik perhatian adalah pokok lima bintang dengan bentuk akar unik menyerupai 'sotong kurita' selain pokok bonsai bersaiz gergasi yang mempesonakan pandangan.

Ibarat permata yang tersembunyi, di tengah-tengah hutan Bukit Seraya terletaknya air terjun Tok Janggut. Walaupun aliran airnya tidaklah sederas air terjun popular di negara ini, namun ia sudah cukup untuk membuatkan kita berasa segar dan nyaman.

## Empangan Seraya

Apa yang menarik mengenai empangan ini adalah ia dibina pada tahun 1920-an dekat lereng bukit di tengah-tengah hutan Seraya dengan ketinggian 337 meter (m) dari aras laut bagi membekalkan air untuk kereta api enjin wap (enjin stim) pada zaman penjajahan Inggeris.

Air yang disalurkan dari empangan tersebut adalah menggunakan saluran paip selebar 10 inci serta landasan kereta api melintasi lereng bukit sehingga ke stesen utama di pekan Bukit Mertajam oleh Kereta Api Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (FMSR).

